

## Lelaki curi

# pelbagai barangan dan kelengkapan didenda

## RM4,000

**KUCHING:** Seorang lelaki yang mencuri pelbagai barangan dan kelengkapan yang disimpan di sebuah premis perniagaan di Tabuan Dayak di sini dijatuhi hukuman denda RM4,000 atau lapan bulan penjara oleh Mahkamah Majistret semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Penolong Kanan Pendaftar Nuraini Ahmad terhadap Steven Entika Sabestian Rengian, 34, yang mengaku salah mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 9 malam pada 5 Jun 2026 di sebuah premis di Tabuan Dayak Lorong 16 di sini.

Fakta kes mendedahkan seorang wanita berusia 28 tahun (pengadu) mendapati barang miliknya yang diletakkan di dalam kedai disewanya di alamat terbabit telah hilang.

Antara lainnya adalah sebuah lampu dan kerusi salon, rak kasut, meja kopi, peti besi, set kotak peralatan, papan putih, seterika wap serta pelbagai barang lain.

Anggaran kerugian adalah sekitar RM5,000.

Susulan itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh.

Siasatan lanjut seterusnya mendapati tertuduh telah mencuri barangan milik pengadu di kedai tersebut yang sedang diubah suai.

Polis juga mendapati pengadu berjaya mengenal pasti beberapa barangan yang dijual di sebuah laman media sosial atas nama akaun tertuduh.

Difahamkan, tertuduh telah mengambil barangan tersebut sebelum menjualnya, dengan beberapa barangan dikatakan masih berada di rumahnya.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.